

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester II  
Sidang Akademik 2001/2002

FEBRUARI / MAC 2002


**JAL 331/3 – Kejuruteraan Pengangkutan dan Lalulintas**

Masa : 3 jam

---

**Arahan :-**

1. Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi **SEPULUH** (10) muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Kertas ini mengandungi **ENAM** (6) soalan. Jawab **LIMA** (5) soalan sahaja. Markah hanya akan dikira bagi **LIMA** (5) jawapan **PERTAMA** yang dimasukkan di dalam buku mengikut susunan dan bukannya **LIMA** (5) jawapan terbaik.
3. Semua soalan mempunyai markah yang sama.
4. Semua jawapan **MESTILAH** dimulakan pada muka surat yang baru.
5. Semua soalan **MESTILAH** dijawab dalam Bahasa Malaysia.
6. Tuliskan nombor soalan yang dijawab di luar kulit buku jawapan anda.



**Rajah 1.0**

1. Rajah 1.0 menunjukkan koridor-koridor utama yang menyambungkan kawasan-kawasan pinggiran bandar ke pusat bandar, zon 1. Anda baru sahaja berijazah dari universiti, dan kini sedang mencari tempat tinggal yang sesuai. Anda juga perlu menggunakan pengangkutan awam untuk ke kerja di zon 1.

- (a) Menggunakan kos pengguna sebagai asas pemilihan, tentukan tempat tinggal yang anda wajar pilih sekiranya pilihan anda adalah berdasarkan kos pengguna terendah. Andaikan nilai masa anda adalah RM 8.40/jam dan semua parameter pemberat adalah 1.0. Gunakan maklumat berikut:

- i. masa menunggu (minit)

| Zon           | 1   | 2  | 3    | 4    | 5   | 6   |
|---------------|-----|----|------|------|-----|-----|
| Masa menunggu | 7.5 | 10 | 12.0 | 15.0 | 8.5 | 9.0 |

- ii. masa capaian (minit)

| Zon          | 1   | 2   | 3   | 4    | 5   | 6   |
|--------------|-----|-----|-----|------|-----|-----|
| Masa capaian | 5.0 | 7.5 | 8.0 | 10.0 | 5.5 | 9.0 |

iii. kelajuan purata bas (km/j)

| Koridor antara zon | 2-1  | 3-1  | 4-1  | 5-1  | 6-1  |
|--------------------|------|------|------|------|------|
| Kelajuan bas       | 40.0 | 35.0 | 55.0 | 65.0 | 45.0 |

iv. bilangan perhentian bas

| Antara zon          | 2-1 | 3-1 | 4-1 | 5-1 | 6-1 |
|---------------------|-----|-----|-----|-----|-----|
| Bil. perhentian bas | 5   | 7   | 4   | 4   | 7   |

v. purata masa berhenti di setiap perhentian bas (saat)

| Koridor                                | 1  | 2  | 3  | 4  | 5  |
|--|----|----|----|----|----|
| Purata masa berhenti di perhentian bas | 50 | 45 | 40 | 35 | 40 |

vi. tambang bas

20 sen untuk kilometer pertama dan 4 sen bagi setiap tambahan 0.5 kilometer.

(15 markah)

- (b) Di dalam ungkapan formula kos pengguna, terdapat parameter-parameter pemberat yang digunakan. Terangkan kegunaan parameter-parameter pemberat ini.

(5 markah)

2. (a) Kursus ini memainkan peranan penting dalam menyediakan bakal jurutera awam yang peka dan berupaya membantu menyelesaikan masalah pengangkutan dan lalu lintas di Malaysia. Senaraikan **TIGA (3)** kandungan silibus kursus ini, dan bincangkan secara terperinci bagaimana setiap silibus ini membantu mencapai hasrat ini.

(10 markah)

- (b) Mengapakah pengiraan kapasiti prasarana pengangkutan seperti jalanraya dan persimpangan penting ?

(5 markah)

- (b) Nyatakan kelemahan lazim di dalam pengoperasian bas, dan berikan strategi-strategi yang dapat diperkenalkan untuk mengatasi kelemahan ini. Nyatakan juga implikasi lain yang akan timbul akibat pelaksanaan strategi ini.

(5 markah)

3. (a) Satu bahagian jalan raya dua lorong dua hala merentasi kawasan datar direkabentuk untuk membawa isipadu waktu puncak 1500 kenderaan sejam. Nyatakan aras perkhidmatan jalan raya tersebut sekiranya ciri-ciri rekabentuk adalah seperti berikut:

Lebar lorong = 10 kaki

Lebar bahu jalan = 5 kaki

Peratusan zon tidak boleh memotong = 40 %

Isipadu lalu lintas tertinggi dalam satu hala = 960 kend/jam

Bilangan lori = 480

Bilangan bas = 160

(14 markah)

- (b) Buat lakaran satu graf aliran lalulintas melawan masa untuk satu kitar lampu isyarat. Labelkan perkara-perkara berikut di atas graf tersebut.

- i. Aliran tepu
- ii. masa hijau berkesan
- iii. masa terhilang

Bincangkan dengan ringkas setiap perkara di atas.

(6 markah)

4. (a) Satu pergerakan di persimpangan berlampaui syarat menerima masa hijau bernilai 29 saat, dan masa kuning + masa semua merah bernilai 3 saat. Masa kitar untuk persimpangan tersebut adalah 60 saat. Sekiranya jarak kepala tepu adalah 2.7 saat/kenderaan, masa hilang semasa memecut adalah 2 saat/fasa dan masa hilang nyahpecut adalah 1 saat/fasa, berapakah kapasiti pergerakan tersebut bagi setiap lorong?

(8 markah)

- (b) Pemerhatian telah dibuat di dua stesen iaitu stesen XX dan stesen YY yang terletak 150 m diantara satu sama lain di atas sebatang lebuh raya. Masa perjalanan untuk empat buah kenderaan telah direkodkan seperti ditunjukkan dalam Jadual 1.0. Sekiranya jumlah masa cerapan di stesen XX adalah 15 saat, kira:-

- i. Purata min masa,
- ii. Purata min ruang, dan
- iii. Aliran lalu lintas di stesen XX.

(12 markah)


**Jadual 1.0 Masa Ketibaan (Waktu Pagi)**

| Kenderaan | Stesen XX  | Stesen YY  |
|-----------|------------|------------|
| A         | 8:00:13.00 | 8:00:20.58 |
| B         | 8:00:16.00 | 8:00:22.18 |
| C         | 8:00:19.00 | 8:00:25.36 |
| D         | 8:00:25.00 | 8:00:34.74 |


8:00:00 = 8 jam 00 min 00 saat

5. (a) Keputusan daripada analisis kapasiti menunjukkan masa kitar dan pembahagian masa hijau untuk sebuah persimpangan berlampau isyarat yang mempunyai operasi kawalan separa tetap perlu dianggarkan semula. Kira masa kitar dan agihkan masa hijau untuk persimpangan berlampau isyarat tersebut. Gambarajah geometri dan pergerakan-pergerakan di persimpangan ditunjukkan dalam Rajah 1.0. Isipadu lalu lintas di persimpangan ditunjukkan dalam Rajah 2.0. Aliran tepu di persimpangan ditunjukkan dalam Jadual 2.0. Gambarajah fasa untuk persimpangan tersebut ditunjukkan dalam Rajah 3.0.


(13 markah)



**Rajah 1.0: Geometri dan Pergerakan**



**Rajah 2.0: Isipadu (ukp/jam)**



**Rajah 3.0 : Rajah Fasa**

| Arah    | Pergerakan          | Aliran Tepu (ukp/jam) |
|---------|---------------------|-----------------------|
| BARAT   | Terus               | 1700                  |
|         | Pusing Kanan        | 1895                  |
| TIMUR   | Terus & Pusing Kiri | 2001                  |
| SELATAN | Pusing Kanan        | 2111                  |
|         | Pusing Kiri         | 1918                  |

**Jadual 2.0 : Aliran Tepu**

- (b) Aliran lalu lintas menunjukkan purata jarak kepala antara kenderaan adalah untuk satu jalan raya 2.5 saat pada kelajuan 65 km/jam. Kira ketumpatan dan kadar aliran.
- (7 markah)
6. (a) Isipadu lalu lintas di persimpangan berlampaui syarat ditunjukkan dalam Jadual 3.0. Kira aliran tepu di persimpangan berlampaui syarat untuk kes-kes berikut:
- Aliran tepu untuk lorong dari arah Barat. Lorong tersebut adalah laluan selorong dan lebar lorong adalah 3.45 m.
  - Aliran tepu untuk lorong khas memusing ke kanan dari arah Utara. Laluan tersebut adalah laluan selorong dan kelebaran lorong tersebut adalah 2.75 m.
  - Aliran tepu untuk lorong sebelah kiri dari arah utara. Lorong tersebut adalah laluan selorong dan lebar lorong adalah 3.55 m.

Persimpangan tersebut mempunyai ciri-ciri berikut:

$$\text{Jejari memusing kiri} = 9 \text{ m}$$

$$\text{Cerun U - S} = 0$$

$$\text{Jejari memusing kanan} = 11 \text{ m}$$

$$\text{Cerun B} \setminus \text{T} = 4$$

(10 markah)

(b) Sekiranya lain-lain ciri-ciri geometri untuk persimpangan tersebut adalah seperti berikut:

- i. Lorong dari arah Timur adalah laluan selorong dan mempunyai lebar 3.55m.
- ii. Lorong dari arah Selatan mempunyai ciri-ciri geometri yang sama dengan lorong dari arah Utara.
- iii. Persimpangan mempunyai sistem 3-fasa (Lakarkan fasa tersebut).

Kira masa hijau berkesan di persimpangan tersebut menggunakan kaedah Arahan Teknik dengan mengandaikan  $a = 3$  saat dan  $R = 2$  saat.

(10 markah)

### **Jadual 3.0 : Aliran Lalulintas Di Persimpangan**

| Jalan Tuju | Arah Pergerakan (UKP/Jam) |
|------------|---------------------------|
| Utara      | Kiri: 90                  |
|            | Terus: 500                |
|            | Kanan: 250                |
| Selatan    | Kiri: 50                  |
|            | Terus: 420                |
|            | Kanan: 60                 |
| Timur      | kiri: 50                  |
|            | Terus: 120                |
|            | Kanan: 140                |
| Barat      | kiri: 80                  |
|            | Terus: 250                |
|            | Kanan: 130                |

### **Jadual 4.0 : Pembetulan untuk agihan berarah bagi jalan dua lorong dua hala di kawasan datar.**

| Agihan Berarah | Kapasiti Dua Arah (UKP/Jam) | Nisbah Kapasiti terhadap Kapasiti “Ideal” ( $f_d$ ) |
|----------------|-----------------------------|---|
| 50/50          | 2800                        | 1.00  |
| 60/40          | 2650                        | 0.94  |
| 70/30          | 2500                        | 0.89  |
| 80/20          | 2300                        | 0.83  |
| 90/10          | 2100                        | 0.75  |
| 100/0          | 2000                        | 0.71  |

**Jadual 5.0 : Aras Perkhidmatan untuk Jalan Dua Lorong Dua Hala  
(nisbah isipadu terhadap kapasiti)**

| LOS | % Masa Lengah | Purata Laju | Kawasan Datar          |      |      |      |      |      |
|-----|---------------|-------------|------------------------|------|------|------|------|------|
|     |               |             | % Tidak Boleh Memotong |      |      |      |      |      |
|     |               |             | 0                      | 20   | 40   | 60   | 80   | 100  |
| A   | $\leq 30$     | $\geq 58$   | 0.15                   | 0.12 | 0.09 | 0.07 | 0.05 | 0.04 |
| B   | $\leq 45$     | $\geq 55$   | 0.27                   | 0.24 | 0.21 | 0.19 | 0.17 | 0.16 |
| C   | $\leq 60$     | $\geq 52$   | 0.43                   | 0.39 | 0.36 | 0.34 | 0.33 | 0.32 |
| D   | $\leq 75$     | $\geq 50$   | 0.64                   | 0.62 | 0.60 | 0.59 | 0.58 | 0.57 |
| E   | $> 75$        | $\geq 45$   | 1.00                   | 1.00 | 1.00 | 1.00 | 1.00 | 1.00 |
| F   | 100           | $< 45$      | -                      | -    | -    | -    | -    | -    |

**Jadual 6.0 : FWP untuk Jalan Dua Lorong Dua Hala**

| Isipadu 2-Hala (kend/jam) | FWP  | Isipadu 2-Hala (kend/jam) | FWP  |
|---------------------------|------|---------------------------|------|
| 100                       | 0.83 | 1000                      | 0.93 |
| 200                       | 0.87 | 1100                      | 0.94 |
| 300                       | 0.90 | 1200                      | 0.94 |
| 400                       | 0.91 | 1300                      | 0.94 |
| 500                       | 0.91 | 1400                      | 0.94 |
| 600                       | 0.92 | 1500                      | 0.95 |
| 700                       | 0.92 | 1600                      | 0.95 |
| 800                       | 0.93 | 1700                      | 0.95 |
| 900                       | 0.93 | 1800                      | 0.95 |
|                           |      | $\geq 1900$               | 0.96 |

**Jadual 7.0 : Faktor Pembetulan Untuk Lebar Lorong dan Lebar Bahu Jalan**

| Lebar Bahu Jalan Kaki | Lorong 12-kaki |       | Lorong 11-kaki |       | Lorong 10-kaki |       | Lorong 9-kaki |       |
|-----------------------|----------------|-------|----------------|-------|----------------|-------|---------------|-------|
|                       | LOS A-D        | LOS E | LOS A-D        | LOS E | LOS A-D        | LOS E | LOS A-D       | LOS E |
| $\geq 6$              | 1.00           | 1.00  | 0.93           | 0.94  | 0.84           | 0.87  | 0.70          | 0.76  |
| 4                     | 0.92           | 0.97  | 0.85           | 0.92  | 0.77           | 0.85  | 0.65          | 0.74  |
| 2                     | 0.81           | 0.93  | 0.75           | 0.88  | 0.68           | 0.81  | 0.57          | 0.70  |
| 0                     | 0.70           | 0.88  | 0.65           | 0.82  | 0.58           | 0.75  | 0.49          | 0.66  |

**Jadual 8.0 : Purata faktor setara kenderaan penumpang untuk lori, kenderaan rekreasi dan bas untuk jalan dua lorong dua hala**

| Jenis Kenderaan | Aras Perkhidmatan | Jenis Permukaan |         |             |
|-----------------|-------------------|-----------------|---------|-------------|
|                 |                   | Datar           | Beralun | Pergunungan |
| Lori, $E_T$     | A                 | 2.0             | 4.0     | 7.0         |
|                 | B and C           | 2.2             | 5.0     | 10.0        |
|                 | D and E           | 2.0             | 5.0     | 12.0        |
| RVs, $E_R$      | A                 | 2.2             | 3.2     | 5.0         |
|                 | B and C           | 2.5             | 3.9     | 5.2         |
|                 | D and E           | 1.6             | 3.3     | 5.2         |
| Bas, $E_B$      | A                 | 1.8             | 3.0     | 5.7         |
|                 | B and C           | 2.0             | 3.4     | 6.0         |
|                 | D and E           | 1.6             | 2.9     | 6.5         |

**Jadual 9.0**

| W (m) | S (ukp/jam) |
|-------|-------------|
| 3.0   | 1845        |
| 3.25  | 1860        |
| 3.5   | 1885        |
| 3.75  | 1915        |
| 4.0   | 1965        |
| 4.25  | 2075        |
| 4.5   | 2210        |
| 4.75  | 2375        |
| 5.0   | 2560        |
| 5.25  | 2760        |

**Jadual 10.0**

| Nilai Cerun | Faktor Pembetulan |
|-------------|-------------------|
| +5%         | 0.85              |
| +4%         | 0.88              |
| +3%         | 0.91              |
| +2%         | 0.94              |
| +1%         | 0.97              |
| 0%          | 1.00              |
| -1%         | 1.03              |
| -2%         | 1.06              |
| -3%         | 1.09              |
| -4%         | 1.12              |
| -5%         | 1.15              |

**Jadual 11.0**

| Nilai Jejari                      | Faktor Pembetulan |
|-----------------------------------|-------------------|
| $R < 10 \text{ m}$                | 0.85              |
| $10 \text{ m} < R < 15 \text{ m}$ | 0.90              |
| $15 \text{ m} < R < 30 \text{ m}$ | 0.96              |

**Jadual 12.0**

| % lalu lintas memusing | Faktor memusing ke kanan | Faktor memusing ke kiri |
|------------------------|--------------------------|-------------------------|
| 5                      | 0.96                     | 1.00                    |
| 10                     | 0.93                     | 1.00                    |
| 15                     | 0.90                     | 0.99                    |
| 20                     | 0.87                     | 0.98                    |
| 25                     | 0.84                     | 0.97                    |
| 30                     | 0.82                     | 0.95                    |
| 35                     | 0.79                     | 0.94                    |
| 40                     | 0.77                     | 0.93                    |
| 45                     | 0.75                     | 0.92                    |
| 50                     | 0.78                     | 0.91                    |
| 55                     | 0.71                     | 0.90                    |
| 60                     | 0.69                     | 0.89                    |